

15 JAN 1999

Mahathir-Abdullah

PELANTIKAN ABDULLAH TENANGKAN SITUASI POLITIK NEGARA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri (TPM) yang baru nampaknya meredakan suasana politik negara.

"Nampaknya begitu," kata Perdana Menteri ketika ditanya sama ada pelantikan Abdullah memberikan "ketenangan" kepada situasi politik di Malaysia sekarang.

Beliau bercakap pada wawancara dengan RTM setelah merakamkan perutusan Hari Raya Aidilfitri di Wisma TV, Angkasapuri di sini.

Abdullah dinamakan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri yang baru berikutan satu rombakan kabinet yang diumumkan Dr Mahathir selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada Jumaat lepas.

Dr Mahathir berkata: "Reaksi yang saya dapati setelah dia dilantik menunjukkan bahawa sambutan terhadap pelantikannya adalah baik, tidak banyak yang mengkritik atau mencela apa-apa."

Keadaan politik negara menjadi perbincangan hangat selepas pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan daripada keanggotaan Umno pada September tahun lepas.

Dr Mahathir kemudian menjadi Menteri Kewangan Pertama dan menamakan Datuk Mustapa Mohamad sebagai Menteri Kewangan Kedua.

Mengenai pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan Pertama yang baru seperti yang diumumkan Jumaat lepas, Dr Mahathir berkata beliau yakin Tun Daim sekali lagi boleh meyakinkan pengusaha, peniaga dan pelabur asing bahawa urusan ekonomi dan kewangan Malaysia akan dibuat dengan cara yang menguntungkan negara.

"Tun Daim adalah seorang yang berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang ekonomi dan kewangan. Semasa kita hadapi resesi pada tahun 1986 dan 1987 dahulu pun dia menolong mengatasi masalah itu," katanya.

Mengenai Kempen Pemilikan Rumah yang mencatatkan jualan sebanyak hampir RM4 bilion, Dr Mahathir berkata kejayaan yang dicapai adalah agak luar biasa dan kerajaan tidak menyangka rakyat akan memberikan sambutan yang begitu baik.

"Ini menunjukkan bahawa kemampuan rakyat memang ada, tetapi mereka perlu diberi keyakinan bahawa sesuatu usaha yang dibuat itu dapat dilaksanakan dengan berkesan."

Katanya kempen itu juga menunjukkan bahawa Malaysia sememangnya berkemampuan memulihkan ekonominya kalau ia berusaha untuk mencapai matlamat itu.

Ditanya mengenai situasi tenaga kerja di negara ini, Dr Mahathir menegur sikap sesetengah rakyat Malaysia yang suka memilih pekerjaan.

"Orang kita memilih kerja...kalau mereka tidak bersikap memilih, saya yakin mereka tidak akan menganggur," katanya dan menambah kata jumlah mereka yang terpaksa diberhentikan kerja akibat kegawatan ekonomi adalah kecil.

Perdana Menteri berkata dalam situasi ekonomi sekarang, tenaga kerja tempatan boleh menggantikan tempat pekerja asing yang berjumlah hampir dua juta.

Menjawab soalan mengenai bagaimana untuk meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini, Dr Mahathir berkata ia dapat dilakukan termasuk dengan menukar kaedah pemindahan ilmu kepada pelajar melalui penekanan aspek praktikal daripada teori.

"Kita juga mungkin menggunakan tenaga sambilan dalam bidang tertentu

termasuk di universiti... kita akan lantik apa yang dipanggil profesor adjung iaitu orang yang bekerja dan berpengalaman tetapi memberi syarahan pada masa tertentu," katanya.

Beliau juga berkata kerajaan akan mengawasi institusi pengajian tinggi swasta supaya mereka tidak menggunakan premis yang kurang sesuai untuk tujuan pendidikan di samping menentukan hanya mereka yang layak sahaja diambil sebagai tenaga pengajar.

Mengenai pilihan raya Sabah yang dijangka tidak lama lagi, Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional, berkata BN bersedia menghadapinya pada bila-bila masa.

-- BERNAMA

MAM AHH NMO